



## **TEKS SEMBAH UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA:**

**MAJLIS PERASMIAN PROGAM CITRA NUSA @ MUZIUM  
ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG DAN PAMERAN  
GALERI SEJARAH ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG**

**TARIKH:**

**2 NOVEMBER 2024 (SABTU)**

**MASA:**

**10.30 PAGI**

**LOKASI:**

**MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG, KEDAH**

Salam Sejahtera

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

**Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia,**

**Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan  
Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman**

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun

Sembah patik mohon diampun

Patik bagi pihak seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara merafak sembah dan mengucapkan setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat hadir mencemar duli ke Majlis Perasmian Program Citra Nusa @ Muzium dan Pameran Sejarah Arkeologi Lembah Bujang Tahun 2024 pada pagi ini.

Sesungguhnya dengan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat besar ertinya bagi patik-patik sekalian dan sudah pasti menambah seri majlis pada hari ini.

## **AMPUN TUANKU**

Patik pohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik mengalu-alukan kehadiran dif-dif kenamaan dan seterusnya mempersesembahkan ucapan sepatah dua kata di majlis pada pagi ini.

## **AMPUN TUANKU**

### **SALUTASI**

\*Disediakan secara berasingan

## **AMPUN TUANKU**

1. Majlis pada hari ini amat bermakna kepada patik dan sekalian rakyat jelata, kerana berpeluang menyaksikan satu lagi usaha Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia dalam memartabatkan sejarah dan warisan negara melalui Program Citra Nusa.
  
2. Program ini adalah inisiatif di bawah flagship Kembara Perpaduan, bertujuan untuk memperkuuh wadah perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui khazanah warisan negara. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum,

selaras dengan fungsinya sebagai 'guardian of heritage'. Muzium berperanan mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi warisan sejarah, seni, dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini. Kehadiran Tuanku menyaksikan pembukaan semula galeri Arkeologi Lembah Bujang yang tersergam indah ini pastinya membawa manfaat besar kepada rakyat jelata, khususnya di Negeri Kedah.

## **AMPUN TUANKU**

3. Patik serta rakyat jelata sekalian amat bersyukur, setelah sekian lama menanti, akhirnya usaha untuk melihat sebuah pameran yang baharu menjadi kenyataan dengan berlangsungnya Program Citra Nusa @ Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Pembukaan semula Pameran Galeri Sejarah Arkeologi Lembah Bujang bukan sahaja menjadi lambang pemeliharaan sejarah bangsa, malah ia juga menghubungkan masyarakat kita dengan warisan yang pernah dikehendaki sebelum ini.
4. Sejarah panjang Kedah Tua, yang bermula sejak abad ke-2 Masihi, adalah bukti bahawa kawasan ini pernah menjadi pusat perdagangan dan tamadun ulung yang menghubungkan dunia

luar, termasuk tamadun besar seperti India, China, Timur Tengah, dan Nusantara. Kehebatan tamadun ini tidak hanya terserlah pada tinggalan sejarah, tetapi juga pada nilai-nilai yang diwarisi generasi kini.

5. Warisan yang ada ini menjadi kebanggaan buat patik serta seluruh rakyat jelata, kerana ia menunjukkan bahawa negara kita telah lama menjadi pusat pertemuan budaya dan peradaban yang besar Kementerian Perpaduan Negara percaya bahawa dengan memahami, menghayati, dan menghargai sejarah serta warisan ini, dapat bersama-sama membina sebuah masa depan yang lebih kukuh dan harmoni.

## **AMPUN TUANKU**

6. Hasrat penubuhan Muzium Arkeologi Lembah Bujang ini mula tercetus apabila banyaknya tapak-tapak sejarah dan artifak yang ditemui di kawasan ini. Selain mempunyai 4 buah candi yang dipamerkan kepada umum, muzium ini mempunyai 2 buah galeri, iaitu Galeri Arkeologi Lembah Bujang dan Galeri Sejarah Perdagangan Lembah Bujang.

7. Galeri Arkeologi Lembah Bujang merupakan sebuah galeri khusus yang mempamerkan pelbagai artifak berharga yang ditemui melalui kerja-kerja ekskavasi arkeologi sejak tahun 1840-an. Antara artifak yang dipamerkan adalah pelapik tiang, inskripsi-inskripsi yang diukir di atas batu atau kepingan logam dengan tulisan Palava dalam dalam Bahasa Sanskrit, seperti Batu Bersurat Buddhagupta, Batu Bersurat Sungai Mas, dan Batu Bersurat Bukit Choras.
8. Pada tahun 2022, Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil keputusan untuk menaiktaraf Galeri Pameran Arkeologi Lembah Bujang setelah 44 tahun dibuka. Proses naik taraf ini telah siap sepenuhnya pada bulan April 2024, dengan memperkenalkan konsep pameran baharu yang lebih menarik.
9. Pameran ini menggabungkan pelbagai medium dan bentuk pameran, termasuk susun atur peti pameran, pencahayaan, serta elemen-elemen interaktif yang terkini. Pendekatan ini telah berjaya menghidupkan semula suasana zaman kegemilangan Tamadun Kedah Tua, membolehkan para pengunjung merasai pengalaman serta memahami keagungan sejarah Kedah Tua dengan lebih mendalam.

10. Manakala Galeri Sejarah Perdagangan Lembah Bujang telah dibuka kepada orang ramai pada bulan Februari 2022. Galeri ini memfokuskan pelbagai artifak yang berkaitan dengan perdagangan dengan tamadun India, Cina, Arab, dan Nusantara. Artifak-artifak yang dipamerkan bukan sahaja menunjukkan hubungan perdagangan yang erat antara Kedah Tua dan tamadun lain, tetapi juga membuktikan kepentingan kawasan ini sebagai pusat pertemuan pelbagai bangsa, budaya, dan amalan kepercayaan.

### **AMPUN TUANKU**

11. Patik juga ingin memaklumkan bahawa pada 11 Julai 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan **Seminar Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi Jing**, yang berlangsung di M Resort & Hotel. Seminar ini adalah anjuran bersama Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), dan Persatuan Kebudayaan Han Malaysia (PKHM). Tumpuan utama seminar ini adalah untuk mendapatkan maklumat berharga daripada sumber-sumber di China yang membincangkan secara khusus mengenai **Lembah Bujang** berdasarkan catatan Yi Jing, seorang sarjana agung yang pernah mengunjungi Lembah Bujang pada abad ke-7.

12. Penemuan terkini di Bukit Choras Daerah Yan telah membuka lembaran baru dalam bidang arkeopelancongan di negeri Kedah. Pasukan penyelidik dari Pusat Penyelidik Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM), telah berjaya menemui serpihan tembikar tanah, serta tiga prasasti yang mengandungi mantra yang menceritakan tentang doktrin agama Buddha. Penemuan ini juga termasuk sebuah arca Buddha bersaiz manusia yang diperbuat daripada stuko iaitu sejenis bahan campuran kapur, air, dan pasir. Penemuan ini dengan jelas mengukuhkan lagi kedudukan Kedah Tua sebagai sebuah kota penting dalam jalur perdagangan maritim Asia Tenggara.

### **AMPUN TUANKU**

13. Patik ingin merakamkan sekalung penghargaan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia atas inisiatif dan usaha yang telah diambil bagi pengajuran program Citra Nusa dan pembukaan semula Galeri Sejarah Arkeologi Lembah Bujang ini. Semoga dengan pembukaan semula galeri ini akan memberi manfaat kepada semua dan terus menjadi pusat perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun**

**Sembah patik mohon diampun**

**Sekian sahajalah sembah ucapan patik**

Dikesempatan ini juga, patik sekali lagi merafak sembah dan mengucapkan setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat mencemar duli ke majlis pada pagi ini.

Patik juga mendoakan kesejahteraan dan dilanjutkan usia yang berpanjangan untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah.

Patik juga turut mendoakan kesejahteraan buat Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda Kedah serta Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah dan seterusnya seluruh kerabat-kerabat DiRaja Negeri Kedah Darul Aman sekaliannya.

**Ampun Tuanku**